

## Perjawatan teknikal di JPN tidak memenuhi disiplin kejuruteraan

[Zanariah Abd Mutalib](#) - November 2, 2021 @ 1:01pm

[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)



Datuk Mohamad Alamin

KUALA LUMPUR: Jumlah perjawatan teknikal di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ketika ini tidak memenuhi keperluan disiplin kejuruteraan utama bagi melaksanakan projek menaik taraf serta membangun semula bangunan daif di sekolah yang terjejas.

Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Mohamad Alamin, berkata keperluan disiplin berkenaan termasuk kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal dan elektrik, arkitek serta ukur bahan.

Justeru katanya, projek itu perlu dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri bagi memastikan pelaksanaannya teratur, berikutan keupayaan dan kepakaran teknikal di JPN dan PPD adalah terhad.

"Arahan Perbendaharaan 182 (AP182) menetapkan kementerian atau jabatan bukan teknik perlu mendapatkan perkhidmatan daripada jabatan teknik bagi melaksanakan semua projek kerja, tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

"Jika kementerian atau jabatan ingin melaksanakan sendiri projek kerja itu, kelulusan khas pengecualian AP182 daripada Ketua Pengarah jabatan teknik berkaitan perlu diperolehi," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan asal Ma'mun Sulaiman (WARISAN-Kalabakan) yang bertanya sama ada kelulusan boleh diberikan kepada JPN dan seterusnya PPD Tawau untuk melaksanakan penggantian bangunan sekolah daif di Kalabakan.

Mohamad Alamin berkata, pengurusan projek pembangunan membabitkan proses perancangan, pengurusan perolehan dan kontrak, pemantauan projek serta pelaporan, selain memerlukan keupayaan dan pengetahuan teknikal yang tinggi.

"Justeru, perkara yang perlu diambil kira sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan adalah tahap kompleksiti projek, bidang kepakaran, ketersediaan rekabentuk dan kapasiti pegawai teknikal di Kementerian Pendidikan (KPM)," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Lim Kit Siang (PH-Iskandar Puteri) mengenai sama ada sesi persekolahan murid sekolah rendah dan menengah bagi 2023 dan seterusnya akan bermula pada Mac, seperti tahun depan, Mohamad Alamin berkata, KPM sudah memperhalusi kesesuaian takwim persekolahan berkenaan.

Justeru katanya, sesi persekolahan 2022 akan dijadikan sebagai panduan untuk perancangan pengoperasian sekolah akan datang.

"KPM komited untuk memastikan murid terus mendapat akses pendidikan dengan meneliti kesesuaian sesi persekolahan, selaras dengan situasi semasa khususnya pasca pandemik COVID-19," katanya.